

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 25 MAC 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6

## Kadar inflasi Februari tahun ini kekal tinggi

### Kadar inflasi Februari tahun ini kekal tinggi

**PUTRAJAYA** – Kadar inflasi pada Februari tahun ini kekal pada 3.7 peratus yang banyak dirangsang oleh sektor perhotelan, restoran, makanan dan minuman bukan beralkohol.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, ia menyebabkan indeks harga pengguna Februari 2023 mencatatkan 129.8 mata berbanding 125.2 dalam tempoh

sama tahun lalu.

"Hotel dan restoran menyumbang kepada 7.4 peratus inflasi, manakala makanan dan minuman tidak beralkohol pada kadar 7 peratus.

"Peningkatan lebih perlahan direkodkan bagi kumpulan pengangkutan iaitu 3.7 peratus berbanding Januari (4) yang mana ia telah mengimbangi inflasi daripada terus meningkat di negara

ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Uzir, kenaikan inflasi juga didorong oleh lonjakan harga hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (3.4 peratus), barangan dan perkhidmatan (2.5) dan kesihatan (1.8).

Tambahnya, sektor lain seperti perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain selain

perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan masing-masing turut merekodkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus.

"Selain itu, sektor pendidikan meningkat 1.6 peratus, manakala minuman alkohol dan tembakau serta pakaian serta kasut masing-masing meningkat sebanyak 0.8 dan 0.4 peratus berbanding Februari 2022 yang turut mengimbangi inflasi," katanya.



MOHD. UZIR